

# Kuliah UMS ditangguhkan jika bacaan IPU terus meningkat: Naib Canselor

NST 5 April 16 4

KOTA KINABALU: Sesi kuliah Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan ditangguhkan sekiranya paras Indeks Pencemaran Udara (IPU) semakin meningkat, kata Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata pihak universiti akan mengambil langkah itu serta merta sekiranya kualiti udara terus merosot bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus khususnya dalam kalangan para mahasiswa.

"Pihak universiti memandang serius terhadap situasi jerebu yang melanda pada ketika ini, dan akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa sambil mengikuti perkembangan paras IPU terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar," katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Sehingga pukul 1.30 tengah hari kelmarin, Jabatan Alam Sekitar Sabah mencatatkan bacaan IPU 68 bagi kawasan Kota Kinabalu.

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategori sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101

ke 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (bahaya).

Sebelum ini, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh membuat pengumuman bahawa naib canselor melalui konsep autonomi boleh membuat keputusan sendiri untuk menangguhkan sesi kuliah sekiranya keadaan jerebu semakin meningkat, tanpa merujuk kepada kementerian.

Mohd Harun berkata, sebagai langkah awal UMS akan mengedarkan topeng hidung

dan mulut secara percuma kepada mahasiswa.

"Topeng tersebut boleh diperoleh melalui kolej-kolej kediaman dan pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar sebagai usaha membantu mahasiswa menapis daripada terhirup molekul-molekul udara tercemar yang boleh memudaratkan kesihatan," katanya.

Pada masa samà, Mohd Harun menasihatkan warga kampus agar mengurangkan sebarang aktiviti luar sehingga paras kualiti udara semakin pulih. - Bernama